

2/8/82

MUSABAQAH KEBANGSAAN TAHUN INI SEDERHANA

IPOH, Selasa.— Musabaqah Membaca al-Quran Kebangsaan tahun ini yang akan diadakan di sini 13 Jun akan berlangsung secara sederhana bagi menjimatkan belanja m e m a n d a n g k a n kemerosotan ekonomi dunia sekarang.

Ini adalah selaras dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, supaya semua jabatan kerajaan menjimatkan perbelanjaan masing-masing, jelas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Wan Teh.

Beliau memberitahu para pemberita di sini hari ini, bahawa selain membina sebuah astaka yang menelan belanja tidak lebih \$100,000, persembahan-persembahan pentomen dan iringan musik juga tidak akan diadakan.

Bagaimanapun, katanya, persembahan nasyid dan hadrah, lambang kebudayaan Negeri Perak akan diadakan. L a n g k a h i n i diharapkan akan dapat m e n c a p a i matlamat kekhushukan para hadirin kepada bacaan ayat-

ayat suci al-Quran daripada unsur-unsur hiburan.

Datuk Seri Haji Wan Mohamad berkata, bahawa Musabaqah Membaca al-Quran itu akan dirasmikan pembukaannya oleh Datuk Seri Dr. Mahathir pada 13 Jun manakala majlis penutup dan penyampaian hadiah akan dilakukan oleh Sultan Perak dan Raja Perempuan Perak pada 16 Jun.

Satu Majlis Musabaqah menghafal al-Quran akan diadakan di Dewan Tun Abdul Razak, di sini, pada pagi 14 Jun ini.